

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 SEPTEMBER 2021
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

400,000 pelancong dijangka kunjungi Langkawi

ALOR SETAR: Sebanyak 400,000 pelancong domestik dijangka mengunjungi Langkawi apabila pulau peranginan ini dibuka kepada pelancong bermula 16 September sehingga hujung tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA), Zalnudin Kadir berkata, pemain dan penggiat industri juga menjangkakan pendapatan yang mampu diraih sektor itu adalah RM600 juta dalam tempoh tersebut.

Katanya, LTA menganggap pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob membawa kelegaan kepada semua pihak yang terlibat termasuk penduduk Langkawi.

"Kita berharap sektor pelancongan Langkawi akan kembali bernafas dan kita menganggarkan kedatangan pelancong sebanyak 400,000 orang dan pendapatan diraih lebih RM600 juta.

"Walaupun jauh ketinggalan daripada tahun lepas RM1.2 bilion tetapi sekurang-kurangnya ada pendapatan tahun ini," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Pada 2 September lalu, Perdana Menteri mengumumkan kerajaan bersetuju membuka sektor pelancongan di beberapa destinasi di bawah program 'travel bubble' berdasarkan syarat-syarat ditetapkan.

Menurutnya, sebagai permulaan, Pulau Langkawi dipilih sebagai projek rintis untuk dibuka kembali kepada pelancong tempatan bermula 16 September ini.

Kata Zalnudin, pelbagai aktiviti dan kempen dilaksanakan oleh agensi terlibat dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Majlis Keselamatan Negara bagi memastikan keselamatan pelancong dan mengelak penularan jangkitan Covid-19.